

16 AUG 1998

Komanwel-tiket

PERDANA MENTERI PUASHATI PENJUALAN TIKET

Oleh: Mohd Shukri Ishaki

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Sekalipun masih tinggal 26 hari lagi berlangsungnya temasya Sukan Kuala Lumpur '98, penjualan tiket temasya itu kini kian menjangkau sasaran.

Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad Jen (B) Tan Sri Mohd Hashim Ali berkata sehingga semalam sebanyak 290,000 tiket bernilai RM15 juta telahpun terjual.

"Kita yakin sasaran 500,000 tiket untuk temasya itu akan menjadi kenyataan," katanya selepas majlis perasmian Gotong-Royong Bersempena Sukan Komanwel di Stadium Nasional di Bukit Jalil di sini.

Hashim berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun dimaklumkan perkara itu semalam dan beliau (Mahathir) amat berpuashati dengan perkembangan itu.

"Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin memaklumkan kepada Perdana Menteri semalam dan Perdana Menteri ternyata amat gembira dengan perkembangan itu," katanya.

"Jualan tiket untuk acara pembukaan berharga RM80 yang pada mulanya dirasakan sukar dijual juga hampir habis," katanya.

Mengenai senarai nama atlit 70 negara yang akan menyertai temasya itu, Hashim berkata sehingga semalam 52 negara telahpun menghantar senarai nama atlit masing-masing.

"Hanya tinggal 18 negara lagi yang masih belum berbuat demikian dan kita akan keluarkan senarai nama atlit itu secepat mungkin untuk kemudahan media dan sebagainya," katanya.

Mengulas tentang kelewatan penyerahan nama oleh beberapa negara yang masih belum berbuat demikian, beliau berkata: "Itu bukannya masalah besar, cuma kita terpaksa mencetak balik senarai nama itu tetapi kita harap negara yang belum berbuat demikian akan segera melakukannya".

Majlis gotong-royong itu disertai kira-kira 1,000 orang termasuk sukarelawan, orang awam dan dirasmikan Menteri Besar Selangor Datuk Haji Abu Hassan Omar.

-- BERNAMA

MS ZAB